NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31 / 08 / 2007

# Sehari Sebuah Buku

Judul: ***Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran***
Penulis: **Ishak Saat**
ISBN: **978-983-195-330-3**
Penerbit: **Karisma Publications**

um - 31/8/2007

BUKU ini mengetengahkan perjuangan politik orang Melayu yang menggunakan pelbagai pendekatan untuk menterjemahkan tuntutan kemerdekaan dari British. Para pejuang politik ini juga rela hati berhadapan dengan pelbagai keperitan untuk memastikan perjuangan mereka membuahkan pembentukan sebuah negara merdeka. Namun segala jasa mereka hanya diingati setahun sekali iaitu setiap kali kita merayakan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara. Bagi para pejuang yang dilabelkan sebagai berhaluan kiri oleh British, jasa-jasa mereka semakin lebih tidak mendapat tempat.




Justeru buku ini memaparkan peranan dan sumbangan para pejuang politik agar ia menjadi rujukan generasi muda yang semakin memandang sepi nilai-nilai sejarah.

**– NORAINI ABDUL RAZAK**